

SINTAKSIS

Menukarkan AYAT AKTIF kepada AYAT PASIF



- (a) Ayah **memperkebuni** tanah yang terbiar itu.
 (b) Tanah yang terbiar itu **diperkebuni** oleh ayah.
 Ayat (a) merupakan **ayat aktif transitif** manakala ayat (b) ialah **ayat pasif transitif**.
 Perbezaannya, **ayat aktif transitif** mengutamakan **subjek** manakala **ayat pasif transitif** pula mengutamakan **objek**.

Pada umumnya, ayat pasif dalam bahasa Melayu boleh dibahagikan kepada:

- (i) Ayat pasif dgn **imbuhan kata kerja pasif**; (ii) Ayat pasif dgn **kata ganti nama diri pertama dan kata ganti nama diri kedua**; dan (iii) Ayat pasif dgn **kata bantu kena** yang hadir di hadapan **kata kerja**.

1. Ayat Pasif dgn Imbuhan Kata Kerja Pasif

Ayat pasif jenis ini merupakan ayat yang **kata kerjanya berawalan di-dan ter-**.

Contohnya:

Subjek	Kata Bantu	Kata Kerja Pasif Transitif	Oleh + Frasa Nama	Keterangan
a. Borang itu	sudah	diisi	oleh Kiassim	semalam.
b. Semak di belakang rumah	telah	dirambah	oleh ayah	petang tadi.
c. Pembahagi jalan itu		terlanggar	oleh kereta	pagi tadi.
d. Istana raja		terbina	oleh rakyat	dalam tempoh setahun.

Nota:

Kata sendi nama **oleh** pada binaan **oleh + FN** yang letaknya **selepas kata kerja** merupakan **unsur pilihan**, yakni boleh digugurkan. Contohnya:

- ... **diisi** **(oleh)** Kiassim
- ... **dirambah** **(oleh)** ayah

Namun demikian, jika **oleh + FN** itu **terletak jauh daripada kata kerja**, kata sendi nama **oleh** tidak boleh digugurkan. Contohnya:

- ... **diisi** semalam **oleh** Kiassim.
- ... **dirambah** petang tadi **oleh** ayah.

Demikian juga, untuk ayat pasif dengan **kata kerja pasif ter-**, kata sendi nama **oleh** tidak boleh digugurkan. Contohnya:

- *...terlanggar kereta pagi tadi.
- *...terbina rakyat dalam tempoh setahun.

Sekiranya unsur subjek hendak diberi penekanan, binaan oleh + FN boleh juga digugurkan.

Contohnya:

- Borang itu telah diisi semalam.
- Semak di belakang rumah telah dirambah petang tadi.
- Pembahagi jalan itu terlanggar pagi tadi.

kk + FN (objek)
(subjek) FN + kk

Ayat pasif boleh juga dibentuk dengan kata kerja yang berawalan ber- dan ke-...-an. Dalam struktur begitu, binaan oleh + Frasa Nama tidak diperlukan. Contohnya:

Subjek	Predikat
a. Mereka	kehujanan ketika berkhemah.
b. Kereta ayahnya	kecurian semalam.
c. Selendangnya	berjahit dengan benang emas.
d. E-mel saya	sudah berjawab.

PERHATIAN:

Ayat pasif dengan kata kerja pasif berawalan di- digunakan hanya dengan frasa nama objek orang ketiga.

2. Ayat Pasif dengan Kata Ganti Nama Diri Orang Pertama dan Kedua

Untuk ayat pasif bentuk ini, kata ganti nama diri diletakkan di hadapan kata kerja. Hal ini dikatakan demikian kerana kata ganti nama diri orang pertama dan kedua tidak boleh menerima kata kerja yang berawalan di-.

Subjek	Frasa Kerja Pasif dengan Ganti Nama Diri Pertama/Kedua	Keterangan
a. Tugas karangan itu	sudah saya bereskan	pada ketika rehat.
b. Laksa buyung Pak Mail	belum aku rasai/kurasai	lagi.
c. Hutang itu	perlu engkau langsaikan/kaulangsaikan	sepenuhnya.
d. Masalah itu	belum awak tangani	hingga kini.
e. Perkara	harus anda jelaskan	dengan segeranya.
f. Tanggjawab itu	mesti kami galas	dengan sempurnanya.
g. Amanah ini	akan kita sempurnakan	bersama-sama.

Bentuk ayat pasif songsang:

Ayat pasif bersusunan biasa: Kerja rumah itu sudah saya selesaikan.

Ayat pasif bersusunan songsang: Sudah saya selesaikan kerja rumah itu.

3. Ayat Pasif dengan Kata Bantu Pasif Kena

Ayat pasif bentuk ini mengandungi kata bantu kena di hadapan kata kerja dasar yang tidak menerima awalan. Binaan oleh + Frasa Nama boleh, secara pilihan, digugurkan. Contohnya:

Subjek	Kata Bantu Kena	Kata Kerja Dasar	Oleh + Frasa Nama
a. Peragut itu	kena	tangkap	(oleh pejalan kaki).
b. Kasdan	kena	belasah	(oleh penduduk kampung).
c. Mereka	kena	tipu	(oleh penjaja itu).
d. Anak gadisnya	kena	goda	(oleh jejaka itu).

PRAKTIS SPM

1

SOALAN 2 | KERTAS 2 | SINTAKSIS

Baca petikan di bawah dengan telitinya, kemudian kenal pasti **tiga ayat aktif transitif** dan tukarkannya kepada **ayat pasif transitif**.

Jabatan Perangkaan Malaysia **menyatakan**, jumlah penduduk negara ini sebanyak 32.4 juta orang pada tahun 2020. Daripada jumlah tersebut, mereka yang berusia 15 hingga 19 tahun sebanyak 2.87 juta orang, yakni remaja. Sememangnya kehadiran golongan remaja sangat signifikan dalam proses pembangunan negara. Mereka akan **mewarisi** kepimpinan negara pada masa hadapan. Oleh hal yang demikian, kita perlu **memupuk** rasa kepedulian dalam kalangan remaja tentang aspek kemajuan dan kebajikan masyarakat.

- (i) Jumlah penduduk negara ini sebanyak 32.4 juta orang pada tahun 2020 dinyatakan (oleh) Jabatan Perangkaan Malaysia.
-
- (ii) Kepimpinan negara akan diwarisi (oleh) mereka pada masa hadapan.
~~Kepimpinan negara pada masa hadapan akan diwarisi oleh mereka.~~
-
- (iii) --> Rasa kepedulian dalam kalangan remaja tentang aspek kemajuan dan kebajikan masyarakat perlu kita pupuk. (*...perlu dipupuk oleh kita)
~~--> Rasa kepedulian perlu kita pupuk dalam kalangan remaja tentang aspek kemajuan dan kebajikan masyarakat.~~

PRAKTIS SPM

2

SOALAN 2 | KERTAS 2 | SINTAKSIS

Baca petikan di bawah dengan telitinya, kemudian kenal pasti **tiga ayat aktif transitif** dan tukarkannya kepada **ayat pasif transitif**.

Persoalannya, remaja perlu **memberikan** rupa bentuk kepedulian yang apa? Bukankah kelompok masyarakat yang kurang malang **memerlukan** bantuan daripada anggota masyarakat yang lain? Antaranya termasuklah orang kurang upaya, golongan anak yatim, dan warga emas. Maka, mereka boleh **menghulurkan** bantuan dengan membuat kerja kebajikan dan aktiviti secara sukarela melalui pertubuhan sukarela.

- (i) Persoalannya, rupa bentuk kepedulian yang apa perlu diberikan oleh remaja?
-
- (ii) --> Bukankah bantuan daripada anggota masyarakat yang lain diperlukan oleh kelompok masyarakat yang kurang bernasib malang?
-
- (iii) --> Bantuan boleh dihulurkan oleh mereka dengan membuat kerja kebajikan dan aktiviti secara sukarela melalui pertubuhan sukarela.
-